

METAFORA KRITIKAN DALAM MITOS PEMINANGAN PUTERI GUNUNG LEDANG: ANALISIS PRAGMATIK

(Criticism Metaphors in the Legend of the Marriage Proposal to Puteri Gunung Ledang: A Pragmatic Analysis)

Maizura Osman
maizuraosman@yahoo.com

Nor Hashimah Jalaluddin
shima@ukm.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abstrak

Artikel ini memberikan fokus pada metafora kritikan yang disampaikan oleh pengarang tradisional terhadap sikap kepemimpinan raja yang disampaikan melalui mitos Puteri Gunung Ledang (PGL). Analisis dilakukan dengan menggunakan pendekatan pragmatik, iaitu konsep *ad hoc* dalam teori relevans dan dikukuhkan dengan pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS), manakala data yang digunakan diambil daripada teks *Sulalatus Salatin* (1997). Dapatan kajian menunjukkan bahawa mitos PGL dicipta untuk menyampaikan kritikan rakyat terhadap sikap golongan raja pada zaman tersebut. Makna sebenar metafora kritikan hanya dapat diinterpretasi melalui analisis pragmatik yang berpada. Hasil kajian juga menemukan alasan sebab kritikan tersebut tidak disampaikan secara langsung. Melalui kajian bersifat teoretis yang dilakukan, didapati pengarang Melayu tradisional merupakan intelek yang mampu menitipkan mesej penting secara kiasan melalui mitos yang dijalinan bersama-sama sejarah.

Kata kunci: metafora, kritikan, mitos, teori relevans, pragmatik

Abstract

This study focuses on criticism of the King's attitude and leadership, as metaphorized by the traditional writers in the legend of Puteri Gunung Ledang. The analysis was conducted

using a pragmatic approach, employing the ad hoc concept of the relevance theory, and supported by Bridging Cross Reference, whereas the data used were extracted from the Malay Annals (1997). The results of the study indicate that the legend of Puteri Gunung Ledang was created with the aim of conveying the people's criticisms of the King during that particular era. The true meaning of these metaphoric criticisms can only be discerned through a reasonable pragmatic analysis. The findings also reveal the reason why these criticisms were not made directly. Through this theoretical study, it can be concluded that the traditional Malay writers were intellectuals who incorporated important messages figuratively in myths and legends intertwined with history.

Keywords: metaphor, criticism, myth, relevance theory, pragmatic

PENDAHULUAN

Dalam tamadun manusia, raja atau pemerintah merupakan ketua sesebuah masyarakat. Pada zaman feudal, raja berperanan penting dalam hal ehwal pentadbiran, keselamatan, ekonomi, undang-undang, pendidikan dan seluruh sistem masyarakat pada waktu itu. Sistem pemerintahan yang didominasi sepenuhnya oleh golongan atasan wajib dipatuhi dan diterima oleh golongan rakyat. Sekiranya pemerintahan yang dilaksanakan baik, adil dan bertimbang rasa, maka rakyat dapat hidup dalam suasana yang aman, harmoni, dan negara juga akan terus mencapai kegemilangan. Sebaliknya, jika pemerintahan tersebut merupakan sebuah pemerintahan yang zalim, golongan rakyat akan menjadi mangsa dan menderita. Sejarah yang berkaitan dengan raja dan pemerintahan mereka biasanya diabadikan dalam bentuk hikayat, salasilah, babad, biografi atau catatan harian, misalnya sejarah raja England dalam *Anglo-Saxon Chronicle* (Campbell, 1972) dan *William of Malmesbury's Chronicle* (Giles, 1866), sejarah Rom dalam *The Annals* tulisan Tacitus (Goodyear, 1972), biografi *Akbar the Great* dicatatkan dalam *The Book of Akbar* (Digby, 1975), *Pararaton (Books of King)* bagi legenda masyarakat Jawa (Andaya, 2006) dan catatan harian *Shi Lu* bagi setiap kaisar China (Liang Liji, 2009).

Kisah raja Melayu turut diabadikan dalam bentuk naskhah, antaranya termasuklah *Sulalatus Salatin (The Malay Annals)*, *Hikayat Merong Mahawangsa (The Kedah Annals)*, *Hikayat Raja-raja Pasai (Chronicle of the Kings of Pasai)* dan banyak lagi. Naskhah ini diiktiraf sebagai karya agung Melayu dan merupakan sumber penting untuk memahami sejarah penubuhan dan kegemilangan negeri-negeri Melayu bermula pada kurun ke-13 hingga kurun ke-19. Karya tradisional Melayu ini mengandungi pelbagai maklumat merangkumi segenap aspek kehidupan seperti hubungan diplomatik, politik, perundangan, perdagangan, perubatan, pertukangan, kesusasteraan dan banyak lagi.

Walau bagaimanapun, fokus utama naskhah ini dicipta adalah untuk merakamkan sejarah pemerintahan dan kepimpinan raja Melayu pada zaman tersebut.

Pengarang Melayu tradisional yang menghasilkan naskhah karya agung ini dipertanggungjawabkan oleh raja untuk menulis sebuah karya yang dapat menjadi tatapan generasi akan datang supaya dapat dijadikan teladan. Oleh hal yang demikian, dalam naskhah ini, pengarang bukan sahaja memuji dan mengabsahkan kedaulatan raja (Suliza, *et al.*, 2012), malah turut menyampaikan kritikan rakyat terhadap perbuatan dan keputusan raja yang tidak mengikut luns moral dan kemanusiaan. Walau bagaimanapun, kritikan ini tidak dipamerkan secara terbuka atau bersifat literal, sebaliknya didatangkan dalam bentuk mitos, dongeng dan legenda kerana terkekang oleh sistem pemerintahan feodal. Pemerintahan raja pada zaman feodal tidak mengizinkan kritikan atau penyanggahan dilakukan secara terang-terangan.

Kajian ini meneliti cara pengarang *Sulalatus Salatin* mengkritik raja Melaka pada waktu itu. Fokus kajian tertumpu pada hubungan Sultan Mansur Syah dengan wanita, terutama wanita yang mempunyai rupa paras yang menarik dan tindakan baginda menggunakan wanita dan mengutamakan demi kepentingan peribadi melebihi kepentingan kerajaan baginda. Bagi menyampaikan kritikan secara tersirat terhadap tindakan raja tersebut, pengarang mencipta dan menggunakan kisah mitos Puteri Gunung Ledang yang dipinang oleh Sultan Mansur Shah. Selain itu, kajian ini juga akan mencungkil sebab kritikan tersebut dilakukan secara kiasan dan bukan secara terang-terangan. Secara ringkasnya, kajian ini akan meneroka tiga aspek, iaitu kepengarangan Melayu, teori linguistik dan sumbangannya terhadap institusi diraja. Ketersiratan makna melalui mitos ini dicungkil bagi mendapatkan maksud sebenar yang hendak disampaikan. Analisis dilakukan menggunakan salah satu teori dalam bidang pragmatik, iaitu teori relevans dengan pengaplikasian konsep *ad hoc* dan Rangka Rujuk Silang (RRS). Kajian ini membuktikan bahawa interpretasi mitos dari sudut linguistik berpada, dan kajian mitos bukanlah satu kajian yang konservatif. Secara tidak langsung, kajian ini turut menyingkap fenomena sejagat tentang hubungan pemerintah dengan wanita, serta mengamati punca fenomena ini kelihatan seragam dan bersifat global.

Raja dan Wanita: Fenomena Sejagat

Jika disorot ke seantero dunia, fenomena hubungan pemerintah atau raja dengan wanita pada zaman lampau bersifat global dengan kisah mereka yang tersendiri. Raja terdahulu, dari zaman kuno sehinggalah abad ke-19 direkodkan bukan hanya mempunyai lebih daripada seorang isteri, malah turut mempunyai banyak gundik atau

perempuan simpanan. Walaupun raja terkenal dengan kehebatan pemerintahan dan pentadbiran, namun wanita tetap digunakan untuk kepentingan peribadi dan adanya unsur eksploitasi terhadap golongan tersebut. Atas alasan yang tidak dapat dipastikan, tercatat dalam sejarah bahawa raja mengeksploitasi wanita sama ada secara paksaan atau suka rela dengan tujuan untuk berhibur, mempamerkan kuasa, mempergunakan tenaga dan kemahiran wanita sehingga menjalinkan hubungan intim yang terlarang dari segi agama, adat dan budaya setempat.

Antara contoh yang dapat dilihat termasuklah Genghis Khan (1162 – 1227), pengasas empayar Mongol yang juga digelar *The Great Khan* dikatakan memilih wanita yang cantik dalam kalangan tawanan perang untuk dijadikan isteri dan gundiknya setiap kali mengalahkan pihak lawan (de Hartog, 2004). Raja Siam yang dikenali sebagai King Mongkut (1804 – 1808), walaupun baginda pada asalnya hidup sebagai seorang sami dan taat pada agama Buddha, namun akhirnya baginda melanggar prinsip keagamaannya apabila menjalinkan hubungan dengan wanita secara tidak terkawal. Setelah 20 tahun hidup membujang, King Mongkut menghabiskan masanya dengan berhibur bersama-sama perempuan cantik dan memenuhkan istananya dengan perempuan sehingga digelar sebagai *the biggest Royal Family of Chakri Dynasty*. Baginda dilaporkan mempunyai 32 orang isteri dan 82 orang anak (Robert, 1969).

Selain Maharaja Mughal yang masyhur, iaitu *Akbar the Great*, anaknya Jahangir dan cucunya Shah Jahan juga tidak terkecuali. Mereka menempatkan wanita di dalam sebuah bangunan atau istana yang dipanggil “harem”, dan wanita ini perlu melayan raja seperti tugas seorang isteri (Soma Mukherjee, 2001). Walaupun secara luarannya wanita tersebut terpelihara dalam jagaan raja, tetapi wanita tersebut tidak merdeka dalam erti kata yang sebenar, dan terkekang dengan peranan dan cara hidup yang ditetapkan di istana.

Berbeza daripada pemerintahan raja di Asia, Raja Britain tidak mempunyai gundik yang ramai jumlahnya. Meskipun demikian, monarki Inggeris ini terkenal dengan cara hidup mereka yang memiliki perempuan simpanan. Sehingga tahun 1990-an, kebanyakan raja Inggeris memilih isteri mereka atas faktor politik dan formaliti. Kebiasaannya, mereka hanya berkahwin bagi memenuhi tanggungjawab melahirkan pewaris lelaki dan sebaliknya mencari keseronokan dengan wanita lain di luar. Sejarah Henry I yang berpasangan dengan gadis tani, sehinggalah Edward VII yang bermain cinta dengan isteri aristokrat menunjukkan bahawa tabiat mempunyai perempuan simpanan menjadi perkara biasa dalam kalangan raja Inggeris (Carlton, 1990).

Tidak terhad sekadar di Britain, maharaja Rom seperti Gaius Julius Caesar (Caligula); Nero Claudius Caesar, Raja Rusia; Tsar Alexander II (1818 – 1881), Raja Perancis Louis Napoleon Bonoparte III (1808 – 1873) turut tidak terkecuali dengan

kisah tragis mereka yang mempunyai hubungan terlarang dengan wanita lain.

Berdasarkan fenomena ini, dirumuskan bahawa perkara ini berlaku disebabkan oleh sesuatu kepercayaan atau prinsip yang dipegang oleh golongan lelaki, umumnya dan golongan raja, khususnya pada zaman tersebut. Carlton (1990) mendakwa bahawa pada zaman feudal wanita dianggap sebagai harta dan hak milik, manakala menguasai perempuan dari segi seksual melambangkan kekuatan, kekuasaan dan ketuanan. Wanita juga boleh dijadikan barangan dagangan, pertukaran atau hadiah daripada sebuah kerajaan kepada kerajaan yang lain (Ruzy Suliza *et. al.*, 2012). Dalam hal peperangan pula, sesebuah kerajaan benar-benar ditakluk apabila golongan wanita daripada pihak musuh dapat ditawan. Sebagai contoh, Genghis Khan menjelaskan peranan utama lelaki adalah untuk memusnahkan pihak musuh dengan cara menawan perempuan mereka (Smith, 2004). Keadaan ini mempunyai persamaan dengan kenyataan Andaya (2006) yang menyatakan:

Perhaps the most telling affirmation of a ruler's power was the capture of his enemy's woman who, as the spoils of victory, were his to take at will or distribute among his followers.

Kritikan dalam Mitos Puteri Gunung Ledang

Pengarang *Sulalatus Salatin*, Tun Seri Lanang pada permulaan naskhah memerikan cara beliau dititahkan oleh raja untuk mengarang sebuah hikayat Melayu. Pengarang juga meluahkan perasaan beliau yang amat gusar, khuatiri malah berasa sangat terbeban dengan tugas tersebut dan menganggapnya sukar untuk dilaksanakan seperti yang dinyatakan sebagai:

... menengar titah Yang Maha Mulia itu maka terjunjunglah atas batu kepala fakir dan berlelah atas segala anggota fakir. Maka fakir kencanglah diri fakir pada mengusakan, syahadan memohonkan taufik fakir ke hadhrat Tuhan ...

(Sulalatus Salatin, p. 1.4)

Jelasnya, pengarang berada dalam dilema antara tanggungjawabnya sebagai pengarang yang perlu menyampaikan kebenaran, tetapi pada masa yang sama perlu menyenangkan hati raja dengan hasil tulisannya. Lalu, beliau menggunakan sepenuhnya kepakaran dalam berkarya, iaitu dengan menggabungkan antara mitos dengan realiti. Kemahiran ini tidak boleh dilakukan oleh sembarang orang, tetapi hanya mampu dilakukan oleh pengarang Melayu yang mempunyai kebijaksanaan yang luar biasa (Noriah, 1993).

Meskipun mitos yang secara tersuratnya jauh daripada realiti, tetapi penggunaan metafora dapat memberikan gambaran sejarah yang lebih dekat. Melalui mitos, sesuatu kebenaran dan kritikan dapat disampaikan dan difahami melalui pemikiran yang hermeneutik (Mohd. Taib, 1988; S. Othman Kelantan, 1997; Muhammad, 2006; Ding, 2009; Hussain, 2009). Pemikiran inilah yang dicapai oleh pengkaji terdahulu sehingga mereka mampu menginterpretasikan mitos dan memahami ketersiratannya. Namun demikian, kajian bersifat saintifik tetap perlu dilakukan bagi membuktikan bahawa interpretasi mitos juga mampu dihuraikan secara berpada dengan menggunakan teori linguistik kini.

Bagi menguatkan pandangan tersebut, Maizura dan Nor Hashimah (2013) dalam kajian mereka berjaya menghuraikan cara pengarang Melayu tradisional menyampaikan makna di sebalik mitos asal usul raja dalam *Sulalatus Salatin* dan mitos kejatuhan Melaka yang dipaparkan dalam *Hikayat Hang Tuah*. Jika dalam kajian tersebut pengarang mencipta mitos bagi mengabsahkan raja dan kerajaannya, kajian Maizura dan Nor Hashimah (2014) pula membuktikan bahawa mitos juga berfungsi menyampaikan kritikan terhadap institusi diraja. Dapatan kajian menunjukkan bahawa mitos Singapura dilanggar todak merupakan sebuah metafora bagi menyampaikan kritikan terhadap sikap zalim raja terhadap rakyatnya. Kajian yang dilakukan melihat metafora dan kritikan yang disampaikan melalui mitos yang lain pula, iaitu mitos Puteri Gunung Ledang (PGL).

Mitos dari Sudut Pandangan Ilmuwan

Webster dalam (Morford dan Lenardon, 1985) mendefinisikan mitos sebagai cerita yang berfungsi menerangkan perlakuan, kepercayaan dan fenomena alam yang berkaitan dengan kepercayaan. Oleh itu, mesej yang disampaikan melalui mitos ialah suatu metafora yang mengandungi makna tersirat. Dalam masyarakat Melayu, mitos tersebar melalui cerita lisan dan juga tulisan. Mitos yang popular dalam sastera Melayu tradisional cenderung kepada mitos etiologi atau lebih dikenali sebagai saga atau legenda. Mitos jenis ini diimajinasikan daripada individu dan peristiwa sebenar berlandaskan perjalanan sejarah seperti mitos asal usul raja Melayu, mitos pembukaan negeri dan mitos kepahlawanan Melayu.

Persoalan yang sering dibangkitkan oleh pengkaji Barat ialah kehadiran mitos tersebut dalam karya Melayu tradisional. Mereka bersikap prejudis sehingga menuduh masyarakat Melayu sebagai *semi-barbarous nation who do not know what history was all about* (Maier, 1988, p. 16) yang menunjukkan kedangkalan mereka untuk mentafsir dan memahami karya hasil karangan seniman agung Melayu. Bottoms (1965) turut

merendahkan sejarah masyarakat Melayu sebagai bersifat hiburan dengan unsur legenda dan fantasi. John Crawfurd (1820) juga tidak pernah memberikan pandangan yang positif, malah menolak segala pendapat yang baik terhadap karya Melayu tradisional. Seorang lagi pengkaji Barat yang terkenal dengan dakwaan bahawa karya Melayu tradisional ialah karya saduran Hindu ialah Winstedt (1969).

Namun demikian, tidak semua pengkaji terdahulu tidak dapat menilai dan menghargai karya agung Melayu yang penuh dengan khazanah berharga. Antara pengkaji Barat yang mengiktiraf dan menyanjung hasil karya pengarang Melayu tradisional ialah De Jong (1964), Sweeney (1974), Brakel (1980), Hurgronje (1988) dan Braginsky (1994). Hurgronje, walaupun memiliki nilai dan pendidikan Barat, beliau memahami bahawa nilai sejarah yang terjelma dalam teks Melayu tradisional berbeza daripada nilai sejarah yang difahami oleh masyarakat Barat. Pada pandangan beliau, pandangan masyarakat tentang pandangan hidup (*world view*) pada hari ini amat berbeza daripada pandangan masyarakat 100 tahun yang lalu. Maka dengan itu, mitos dan fakta mempunyai pertalian yang amat relatif dan untuk memahaminya, karya tersebut perlu didekati dengan menggunakan kaedah yang objektif.

Sarjana Melayu yang berjuang menegakkan kewibawaan karya Melayu tradisional pula antaranya termasuklah Muhammad Yusoff Hashim (1992), Muhammad Haji Salleh (1991, 2006), Siti Hawa Haji Salleh (2009), Hussain Othman (2009) dan Ding Choo Ming (2009). Terdahulu Ismail Hussein (1974, p. 12) juga pernah menyatakan:

Literature in Malay or Nusantara concept includes everything that uses words or language in a creative way, creative in a very broad sense. There is no boundary between mythical fiction and historical description for example, and there is sometimes no boundary between an enumeration of the adat law with a love poem.

Kajian yang dilakukan oleh sarjana tersebut merupakan suatu usaha menangkis pandangan dangkal orientalis terhadap mitos Melayu. Usaha ini sangat bermakna dan memberikan impak yang besar terhadap pemartabatan karya agung Melayu sehingga hari ini. Namun demikian, berikutan arus keilmuan semasa yang semakin rancak, serta berpaksikan bukti dan sains, kajian berkenaan dengan isu ini harus dianjak ke suatu tahap yang lebih berwibawa, iaitu kajian yang berlandaskan teori saintifik dan berpadu. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menyambung, memperkukuh dan menambah nilai dapatan sedia ada dengan menyajikan analisis berbantuan teori relevans, iaitu sebuah teori yang bertapak kukuh dalam bidang pragmatik dan ditambah pula dengan pengaplikasian konsep *ad hoc*, sebuah kerangka konsep yang semakin mantap dalam teori ini.

Data Mitos Puteri Gunung Ledang

Dalam kajian ini, data yang digunakan ialah teks karya agung Melayu berjudul *Sulalatus Salatin* karangan Tun Seri Lanang berdasarkan manuskrip Raffles Malay 18, yang seterusnya dikaji dan diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh (1997). Teks ini diterbitkan secara bersama oleh Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mitos PGL dalam teks *Sulalatus Salatin* ini dikisahkan berlaku pada zaman kesultanan Melaka semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah. Puteri ini dikatakan mempunyai wajah yang jelita dan tiada tandingannya pada waktu itu, serta bukan dalam kalangan manusia biasa, tetapi dalam kalangan makhluk halus yang menetap di puncak Gunung Ledang. Berikutan cerita yang tersebar itu, Sultan Melaka berhasrat untuk memperisteri puteri tersebut. Sebelum berlakunya kisah peminangan PGL ini, baginda sudah mempunyai tiga orang isteri, iaitu Raden Galuh Cendera Kirana (seorang puteri dari Jawa), Puteri Hang Liu (anak maharaja China), dan juga saudara Seri Nara Diraja, iaitu bonda anakanda baginda Sultan Ahmad. Petikan di bawah menceritakan episod bermulanya titah sultan untuk meminang PGL sehinggalah PGL memberikan syarat yang luar biasa dan akhirnya sultan terpaksa akur bahawa baginda gagal memenuhi syarat tersebut, sekali gus tidak dapat memperisteri puteri tersebut.

Arkian pada suatu hari Sultan Mansur Syah diadap oleh orang besar-besar dan segala menteri, sida-sida hulubalang sekalianya. Maka Sultan Mansur Syah memberi titah pada segala orang besar-besar, “Adapun bahawa syukur kita ke hadrat Tuhan Subhanahu wa Ta’ala kita beroleh kerajaan yang amat besyar, dianugerahkan Allah pada kita. Tetapi suatu lagi maksud kita- jikalau dapat kita pohonkan ke hadhrat Allah bahawa **kita hendak beristeri yang terlebih daripada segala raja-raja dalam dunia ini.**”

Maka (sembah) segala orang besyar-besyar, “Ada{I}(k)ah, tuanku, yang seperti tuanku kehendaki itu, karena puteri Jawa dan puteri China telah diperisyteri Yang Dipertuan. Apa pula yang lebih dari itu, karena pada zaman dahulu kala Raja Iskandar Zulkarnain hanya yang beristerikan anak Raja China. Akan sekarang Yang Dipertuanlah.”

Maka titah Sultan Mansur Syah, “**Jikalau beristerikan sama anak raja-raja ini adalah raja yang lain pun demikian, tetapi yang kehendakku barang yang tiada pada raja lain, itulah kehendak kita peristeri.**”

Maka titah Sultan Mansur Syah, “Kita hendak meminang Puteri Gunung Ledang. Laksamana dan Sang Setialah kita titahkan.”

(*Sulalatus Salatin*, p. 123)

Setelah menerima titah tersebut, Tun Mamat bersama-sama rombongannya naik

ke Gunung Ledang untuk menyampaikan maksud baginda. Petikan di bawah ini merupakan jawapan daripada PGL.

Ada kadar sesa'at maka kelihatan pula seorang perempuan tuha, bongkok tiga belakangnya. Maka ia berkata pada Tun Mamad, “Adapun segala kata tuan hamba itu telah sudah dipersembahkan oleh Dang Raya Rani pada Puteri Gunung Ledang. Akan titah puteri, ‘Jikalau Raja Melaka hendak akan daku buatkanlah aku **jambatan emas** satu, **jambatan perak** satu, dari Melaka datang ke Gunung Ledang. Akan peminangnya **hati nyamuk tujuh dulang, hati kuman tujuh dulang, air pinang muda{h} setempayan, air mata setempayan, darah raja sema(ng)kuk dan darah anak raja sema(ng)kuk**. Jikalau demikian maka kabullah pada hamba akan kehendak Raja Melaka itu.’”

Setelah sudah ia berkata-kata maka ia pun lenyaplah. Diceriterakan oleh yang empunya ceritera ini orang tuha yang berkata-kata itulah Puteri Gunung Ledang merupakan dirinya.

Maka titah Sultan Mansur Syah, “Semuanya dapat kita adakan, tetapi akan mengeluarkan darah anak kita itulah yang tiada dapat kita adakan, karena tiada sampai hati.”

(*Sulalatus Salatin*, pp. 124 – 125)

Berdasarkan data yang dikeluarkan, dipaparkan analisis yang menunjukkan cara interpretasi dibuat oleh pembaca demi mencapai makna tersirat yang dimaksudkan oleh pengarang. Mitos ini dicipta untuk menyampaikan kritikan pengarang terhadap sikap raja melalui permintaan PGL. Teori relevans melalui gagasannya dan pengaplikasian konsep *ad hoc* dapat merungkaikan metafora yang disampaikan melalui mitos ini.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Topik ini memfokuskan proses analisis dalam penginterpretasian makna metafora mitos. Daripada data mitos yang dikeluarkan, syarat yang diberikan oleh PGL dianalisis secara mendalam menggunakan teori relevans dengan pengaplikasian kerangka konsep *ad hoc* dan RRS. Data tersebut adalah seperti yang berikut:

- (1) Jikalau Raja Melaka hendak akan daku buatkanlah aku jambatan emas satu, jambatan perak satu, dari Melaka datang ke Gunung Ledang. Akan peminangnya hati nyamuk tujuh dulang, hati kuman tujuh dulang, air pinang muda {h} setempayan, air mata setempayan, darah raja sema(ng)kuk dan darah anak raja sema(ng)kuk. Jikalau demikian maka kabullah pada hamba akan kehendak Raja Melaka itu.

Berdasarkan pemahaman secara heuristik menurut teori relevans, pembaca sudah dapat mentafsir ujaran tersebut secara automatik tanpa memerlukan usaha memproses yang tinggi. Menurut Wilson dan Carston (2006), pemahaman secara heuristik menurut teori relevans ini mematuhi dua langkah, iaitu (i) Mengikuti laluan yang memerlukan usaha memproses yang paling rendah untuk membina interpretasi sesuatu ujaran; dan (ii) Berhenti apabila jangkaan kerelevanan dapat dicapai (atau digugurkan).

Berdasarkan langkah pemahaman heuristik melalui syarat peminangan yang diminta oleh PGL, pembaca sudah dapat mengagak pinangan sultan Melaka ditolak secara mentah-mentah oleh PGL. Syarat tersebut bukan sahaja pelik, malah sangat sukar untuk ditunaikan. Prosedur membuat kesimpulan adalah dengan mengambil kira eksplikatur, andaian implikatur dan kesimpulan implikatur seperti yang berikut:

- (2) Eksplikatur: LAPAN SYARAT PEMINANGAN YANG PELIK DAN SUKAR
Andaian Implikatur: SULTAN MUNGKIN TIDAK DAPAT MENUNAIKAN KESEMUA SYARAT ITU.
Kesimpulan Implikatur: PUTERI GUNUNG LEDANG MENOLAK PINANGAN SULTAN

Namun demikian, setiap syarat itu mempunyai maksud atau metaforanya yang tersendiri sesuai dengan tujuan pengarang mencipta mitos tersebut. Penginterpretasian pada tahap ini memerlukan analisis yang lebih terperinci. Dalam kajian ini, hanya enam syarat daripada lapan syarat PGL dianalisis secara mendalam, iaitu:

- (i) Jambatan emas.
- (ii) Jambatan perak.
- (iii) Hati nyamuk tujuh dulang.
- (iv) Hati kuman tujuh dulang.
- (v) Air pinang muda setempayan.
- (vi) Air mata setempayan.

Oleh sebab mitos hadir dalam bentuk wacana, maka makna secara keseluruhannya hanya dapat dicapai dengan menganalisis setiap frasa berkaitan bersama-sama konteks dan ko-teks. Wilson dan Carston (2006) mengupas idea Rips (1995, p. 100) tentang isu ini dengan menyatakan bahawa apabila kombinasi konseptual baharu (sama ada literal atau berbentuk metafora) diproses dalam konteks wacana, interpretasinya akan terkekang dengan lebih kuat dan keadaan mendorong kebolehhajangan yang lebih tepat untuk alasan pragmatik. Dari sudut pandangan di luar bidang linguistik, kenyataan

tersebut dianggap oleh Hussain (2009) dan Hurgronje (1988) sebagai penganalisisan yang teliti, objektif, serta memerlukan pembacaan yang serius dan meluas. Interpretasi tidak dapat dilakukan hanya dengan melihat data secara terpisah atau terasing tanpa mengaitkan mitos tersebut dengan episod lain dalam teks ini.

Analisis pragmatik sebelum ini kebiasaannya terbatas pada analisis pragmatik leksikal. Namun demikian, dalam kajian ini, data yang dianalisis melangkaui tahap leksikal dan sebaliknya datang dalam bentuk frasa. Hal ini berlaku kerana leksikal tersebut tidak dapat berdiri dengan sendiri dan tidak akan dapat difahami jika tidak dianalisis dalam bentuk frasa seperti dalam teks. Situasi ini dibincangkan oleh Romero dan Soria (2010) yang dinamakan sebagai pragmatik frasa. Situasi yang sama dibincangkan oleh Wilson dan Carston (2006), dan mereka menekankan bahawa konteks wacana akan membantu proses interpretasi dengan lebih mudah dan terarah.

Jadual 1 Analisis eksplikatur – bentuk logik berdasarkan data (i) dan (ii).

Eksplikatur	Bentuk Logik
Jambatan emas Jambatan perak	<p>JAMBATAN: Struktur yang dibina merentangi halangan, biasanya sungai, parit atau terusan. Dibina dengan pelbagai jenis bahan seperti kayu, batu, konkrit atau keluli.</p> <p style="text-align: right;"><i>(Ensiklopedia Dunia Melayu, 2008)</i></p> <p>EMAS₁ = Logam berwarna kuning yang mahal harganya dan sebagai lambang kekayaan.</p> <p>PERAK = Logam berwarna putih dan berkilat digunakan untuk perhiasan, peralatan adat dan duit.</p> <p style="text-align: right;"><i>(Ensiklopedia Malaysiana, 1996)</i></p>

Berdasarkan Jadual 1, analisis akan bermula dengan menyingkap makna eksplikatur pada lajur pertama. Proses ini dimulakan dengan pemahaman bentuk logik seperti yang dapat dilihat pada lajur kedua. Hal ini selaras dengan skop semantik yang terhad pada makna luaran yang diujarkan. Pada tahap ini, frasa seperti (i) jambatan emas, dan (ii) jambatan perak, hanya boleh ditafsirkan sebagai sesuatu yang konkrit.

- (3) Jikalau Raja Melaka hendak akan daku buatlah aku **jambatan emas** satu, **jambatan perak** satu, dari Melaka datang ke Gunung Ledang.

Dalam ujaran (3), jambatan emas dan jambatan perak difahami secara literal. Proses ini akan mengaktifkan maklumat pembaca tentang frasa [JAMBATAN EMAS] dan

[JAMBATAN PERAK], iaitu bentuk logik yang kemudiannya dikukuhkan dengan maklumat ensiklopedik pembaca. Maklumat ensiklopedik atau pengetahuan umum ini mengandungi pelbagai jenis maklumat, termasuk andaian lazim, informasi saintifik, kepercayaan dan kebudayaan, pemerhatian, dan pengalaman peribadi seseorang (Carston, 2002). Maklumat ensiklopedik ini berbeza antara individu bergantung pada pelbagai aspek seperti umur, budaya, agama, taraf hidup, dan lain-lain. Proses pengukuhan ini dipamerkan seperti yang berikut:

- (4) **JAMBATAN: Maklumat ensiklopedik**
 - a. DIGUNAKAN UNTUK MENYEBERANGI SUNGAI ATAU JURANG
 - b. DIBUAT DARIPADA UNSUR ALAM (BATU BATA, KAYU ATAU ROTAN)
 - c. BERFUNGSI SEBAGAI PENGHUBUNG

- (5) **EMAS: Maklumat ensiklopedik**
 - a. SANGAT MAHAL DAN SUKAR DIPEROLEH
 - b. DIPEROLEH MELALUI CARA MENDULANG ATAU MELOMBONG
 - c. DIMILIKI OLEH ORANG KAYA
 - d. BIASANYA DIJADIKAN PERHIASAN DAN MATA WANG

- (6) **PERAK: Maklumat ensiklopedik**
 - a. MAHAL DAN SUKAR DIPEROLEH
 - b. DIPEROLEH MELALUI CARA MENDULANG ATAU MELOMBONG
 - c. DIMILIKI OLEH ORANG KAYA
 - d. BIASANYA DIJADIKAN PERHIASAN, CENDERAMATA, MATA WANG DAN PERALATAN ISTIMEWA

Setelah melalui dua proses ini, masih terdapat kekaburan pada ujaran tersebut kerana makna yang dijana secara eksplisit masih tidak mencapai tahap relevan pada fikiran pembaca. Proses yang berlaku ini selari dengan proses pengembangan konteks, iaitu melihat ke arah ujaran terdahulu, termasuk ko-teks yang membimbing kepada kerelevanan teks. Seterusnya, konteks pemula juga berlaku dengan merujuk maklumat ensiklopedik. Hasil penyesuaian konteks wacana dan kesan kognitif, pembaca tahu bahawa adanya unsur implikatur dalam ujaran ini.

Analisis yang berikut menunjukkan cara pembaca membina andaian implikatur dan seterusnya membuat kesimpulan terhadap sesuatu ujaran yang mempunyai unsur metafora atau ketersiratan. Pembaca, dengan mengambil kira prosedur pemahaman standard, mengeluarkan senarai andaian implikatur seperti dalam (7) agar implikasi kontekstual dapat diperolehi.


(7) **jambatan emas dan jambatan perak**

- (i) Jambatan dibina daripada emas dan perak dari Melaka ke Gunung Ledang.
- (ii) Hubungan antara sultan dengan PGL.
- (iii) Hubungan yang tidak realistik.
- (iv) Keinginan sultan yang melampau dan tidak rasional.*

Untuk memahami maksud tersirat pengarang, pembaca mengeluarkan andaian kontekstual setakat yang mampu dibantu oleh kesan kognitif yang memadai, seterusnya memilih implikasi konteks sebenar yang disimpulkan daripada i, ii, iii, atau iv. Kesan kognitif ini terhasil melalui salah satu proses, iaitu penggabungan, penguatan atau pengguguran maklumat. Dalam proses ini, (i) yang membawa maksud literal digugurkan oleh pembaca kerana perkara itu tidak rasional dan tidak relevan. Frasa jambatan emas dan jambatan perak secara harfiahnya bermaksud binaan yang digunakan untuk menghubungkan satu tempat dengan satu tempat yang lain, serta dibina daripada logam yang mahal dan tinggi nilainya. Menurut pengalaman ensiklopedik pembaca, jambatan biasanya dibina daripada unsur alam seperti batu bata, kayu atau rotan dan bukannya dibuat daripada bahan yang mahal seperti emas dan perak. Walaupun Melaka pada zaman itu tergolong sebagai negeri yang kaya dan mempunyai sumber emas yang banyak, namun tindakan membina jambatan daripada emas dan perak untuk menghubungkan Melaka ke Gunung Ledang merupakan suatu pembaziran yang melampau. Jarak antara dua tempat ini lebih kurang 67 kilometer dalam bacaan unit metrik pada masa ini (Google Maps).

Secara lazimnya, jika bentuk proposisi yang diekspresikan dan bentuk proposisi pemikiran yang ingin disampaikan oleh pengarang bersifat mirip tetapi tidak sama, keadaan ini bermaksud interpretasi yang diperlukan bukan bersifat literal. Senarai dalam ii, iii, dan iv tidak lagi bersifat literal tetapi lebih meluas maknanya. Persoalan yang timbul ialah bagaimanakah pembaca dapat memindahkan fitur daripada konsep asas fizikal kepada peluasan erti berbentuk metafora? Menurut analisis metafora teori relevans, pemahaman maksud secara metafora boleh berlaku melalui proses peluasan fitur konsep asas fizikal kepada pembinaan konsep superordinat yang mempunyai

denotasi fizikal dan psikologi. Oleh hal yang demikian, frasa JAMBATAN EMAS dan JAMBATAN PERAK, dibantu oleh analisis bentuk logik, andaian ensiklopedik dan kesimpulan ke hadapan yang munasabah (*plausible forward inference*) dapat diperluas kepada makna HUBUNGAN, yang seterusnya dapat difahami sebagai HUBUNGAN* setelah diaktifkan oleh konteks wacana dan jangkaan relevan (*expectations of relevance*). HUBUNGAN yang mempunyai fitur konsep asas fizikal menunjukkan hubungan logistik atau geografi, manakala HUBUNGAN* pula merujuk hubungan yang melibatkan perasaan, seperti pertunangan dan perkahwinan. Kriteria asas konsep *ad hoc* secara ringkasnya didefinisikan sebagai pemahaman yang diakses melalui konteks tertentu secara spontan oleh pendengar dalam proses memahami ujaran berdasarkan rujukan pragmatik. Bagi ungkapan atau leksikal yang berbentuk metafora dan bahasa figuratif, konsep *ad hoc* yang digunakan untuk memahami makna yang dimaksudkan ialah *ad hoc* peluasan (Carston, 2002). Rajah 1 disesuaikan daripada penerangan analisis yang dilakukan oleh Wilson dan Carston (2006) untuk memudahkan pemahaman proses peluasan *ad hoc*.



Rajah 1 Laluan inferens (*inferential route*) JAMBATAN EMAS.

Melalui proses pemindahan ini, jambatan emas dan perak dalam pilihan (iii) tidak lagi berbentuk literal, sebaliknya diluaskan kepada konsep hubungan perkahwinan. Walaupun pilihan (iii) juga menepati interpretasi metafora HUBUNGAN*, namun belum lagi membawa kesimpulan implikatur yang benar-benar dimaksudkan oleh pengarang kerana maksud kritikan belum dapat disimpulkan.

Pilihan (iv) merupakan maksud implikatur yang ingin disampaikan oleh pengarang. Kesimpulan ini dicapai setelah melalui proses penguatan maklumat. Andaian awal pendengar bahawa JAMBATAN EMAS dan JAMBATAN PERAK yang disyaratkan oleh PGL ialah permintaan yang luar biasa yang dikuatkan lagi dengan pemahaman bahawa syarat tersebut ialah suatu bentuk kritikan terhadap sikap sultan. Berdasarkan konteks wacana dan jangkaan relevan, pengarang sebenarnya ingin menyampaikan implikatur kritikan yang berbentuk metafora. Pengarang menekankan bahawa

hubungan perkahwinan yang diinginkan oleh sultan adalah tidak realistik dan syarat JAMBATAN EMAS dan JAMBATAN PERAK itu ialah suatu kritikan terhadap sikap sultan yang sanggup melakukan pembaziran semata-mata untuk mendapatkan keinginannya. Keinginan sultan itu juga bertujuan menunjukkan kelebihan baginda dibandingkan dengan raja lain di dunia, seperti yang dinyatakan dalam data (*Sulalatus Salatin*, p. 123).

Jadual 2 Rumusan analisis makna berdasarkan data (i) dan (ii).

Eksplikatur	Andaian Implikatur	Kesimpulan Implikatur	Makna Sebenar	Konsep <i>Ad Hoc</i>
Jambatan emas Jambatan perak	Membina jambatan daripada emas merupakan suatu pembaziran yang melampau.	Hasrat berkahwin dengan PGL ialah tindakan yang tidak realistik.	Kritikan terhadap sikap dan keinginan sultan.	Peluasan.

Seterusnya, data (iii), hati nyamuk tujuh dulang, dan (iv) hati kuman tujuh dulang dianalisis makna dan interpretasinya. Pada kali ini, pengarang menggunakan unsur fauna untuk menyampaikan metaforanya. Hal ini tidak asing lagi kerana masyarakat Melayu tradisional sangat akrab dengan alam, flora dan fauna di sekeliling mereka. Analisis dimulakan dengan analisis eksplikatur. Analisis ini berfungsi mencari makna eksplikatur yang tepat berdasarkan pemahaman bentuk logik. Namun demikian, makna yang dapat dikeluarkan dalam proses ini hanyalah makna berbentuk literal.

Jadual 3 Analisis eksplikatur – bentuk logik berdasarkan data (iii) dan (iv).

Eksplikatur	Bentuk Logik
Hati nyamuk, Hati kuman	HATI ₁ = organ berwarna merah tua yang terletak di sebelah kanan abdomen dan berperanan dalam hampir semua aktiviti tubuh manusia. (<i>Ensiklopedia Dunia Melayu</i> , 2008) HATI ₂ = batin (tempat perasaan, pengertian dll) (<i>Kamus Dewan</i> , 2010)

NYAMUK = sejenis serangga kecil bersayap dua, tergolong sebagai parasit penghisap darah dan bertindak sebagai perantara virus dan boleh mengakibatkan kematian.

(*Ensiklopedia Dunia Melayu*, 2008)

KUMAN₁ = organisma halus yang wujud di udara, air, tanah dan pada makhluk, boleh mendatangkan berbagai-bagai jenis penyakit.

KUMAN₂ = ki sesuatu yang halus atau seni
(*Kamus Dewan*, 2010)

Ujaran yang dinyatakan oleh PGL untuk disampaikan kepada sultan adalah seperti yang berikut:

- (8) Akan peminangnya **hati nyamuk** tujuh dulang, **hati kuman** tujuh dulang, **air pinang muda**{h} setempayan, **air mata** setempayan ...


Bentuk logik diperoleh berdasarkan eksplikatur dalam ujaran tersebut, apabila dibantu dengan maklumat ensiklopedik akan memacu pemahaman eksplisit pembaca terhadap frasa [HATI NYAMUK] dan [HATI KUMAN]. Proses pengukuhan bentuk logik dan maklumat ensiklopedik yang dihasilkan adalah seperti yang berikut:

- (9) HATI NYAMUK: **Maklumat ensiklopedik**
- ORGAN PENTING BAGI NYAMUK
 - SAIZNYA SANGAT KECIL
 - SUKAR DILIHAT DENGAN MATA KASAR
 - PUNCA PENYAKIT
- (10) HATI KUMAN: **Maklumat ensiklopedik**
- SANGAT SENI
 - TIDAK BOLEH DILIHAT DENGAN MATA KASAR
 - KUMAN BOLEH HIDUP DI MERATA-RATA TEMPAT
 - BIASANYA MENYEBABKAN PENYAKIT

Matlamat pendengar untuk mentafsir makna (9) dan (10) belum lagi dapat dicapai pada tahap ini kerana mereka sedar, permintaan PGL tidak mencapai tahap relevan yang optimum melalui tafsiran secara harfiah. Oleh itu, proses memperkaya eksplikatur dan

membekalkan andaian implikatur kepada ujaran yang dienkod perlu dilakukan. Proses ini juga menimbulkan tanda tanya dalam minda pembaca tentang persoalan sebab PGL memberikan syarat yang pelik kepada sultan Melaka.

Proses ini dapat dilakukan dengan pengaplikasian pemahaman secara *ad hoc* yang mampu mentafsir makna harfiah mahupun metafora. Proses *ad hoc* membuktikan bahawa kapasiti konseptual manusia bersifat fleksibel untuk memahami makna yang dimaksudkan oleh penyampai.



Rajah 2 Laluan inferens (*inferential route*) HATI NYAMUK, HATI KUMAN.

Rajah 2 menunjukkan bahawa proses makna literal atau fizikal diperluas kepada konsep metafora. Proses ini melibatkan rujukan ke hadapan yang munasabah daripada HATI NYAMUK, HATI KUMAN kepada konsep asas fizikal KECIL TETAPI BAHAYA. Seterusnya, berlaku perubahan kepada konsep superordinat yang lebih luas, iaitu KECIL TETAPI BAHAYA* yang boleh diaplikasikan kepada hati manusia dan tentunya diaktifkan oleh konteks wacana dan jangkauan relevan.

Proses peluasan konsep *ad hoc* ini tidak terhenti di sini selagi kesimpulan implikatur tidak dapat diperoleh. Oleh itu, suatu proses pemilihan daripada andaian implikatur akan dilakukan oleh pembaca. Antara andaian implikatur yang dihasilkan adalah seperti yang berikut:

(11) **hati nyamuk tujuh dulang, hati kuman tujuh dulang**

- (i) Hati nyamuk dan hati kuman sejumlah tujuh dulang.
- (ii) Benda yang kecil tetapi memudaratkan.
- (iii) Hati yang kotor punca sikap yang tidak baik.
- (iv) Tindakan sultan berpunca daripada niat yang tidak baik.*

Pilihan (i) adalah tidak relevan untuk difahami secara literal. Walaupun ada kuman yang bersaiz sehingga satu milimeter diameter, namun itu ialah saiz kuman yang paling besar kerana kuman kebanyakannya sangat seni, malah ada yang bersaiz 20 nanometer panjang. Mengikut kajian juga, kuman hanya mempunyai satu sel sahaja

setiap satu dan tidak mempunyai nukleus, namun ada yang mempunyai membran luar (Washington, American Society for Microbiology, 2016). Hal ini bermaksud, hati kuman dan hati nyamuk bersifat terlalu seni. Buktinya, hanya pada era sains dan teknologi terkini barulah gambar hati nyamuk dapat dilihat setelah diambil oleh seorang pengkaji bernama Jonas King pada tahun 2010. Bagi mendapatkan gambar sistem kardiovaskular serangga tersebut, khususnya pada bahagian hati, King perlu membesarkan sehingga 100 kali ganda menggunakan kaedah digital dan ditandai dengan dua jenis pewarna fluoresen (Justin D. Glenn *et al.*, 2010). Kerumitan untuk melihat kuman dan hati nyamuk ini membuktikan bahawa permintaan PGL tersebut tidak sepatutnya difahami secara literal, tetapi mempunyai makna yang tersirat.

Pilihan (ii) ialah andaian yang lahir daripada bentuk literal dengan dibantu oleh maklumat ensiklopedik. Kuman dan nyamuk dikenali sebagai vektor pembawa penyakit berbahaya walaupun saiznya kecil dan seni. Dari segi sains juga, Justin D. Glenn (2010) dalam kajiannya menyatakan bahawa hati nyamuk merupakan anggota yang mempunyai peranan yang paling utama untuk menyebarkan penyakit, misalnya parasit malaria. Kumannya juga dikenal pasti sebagai punca pelbagai penyakit, antaranya termasuklah taun, penyakit kulit, jangkitan paru-paru, dan sebagainya.

Untuk pilihan (iii), pengarang menggandingkan leksikal kuman dan nyamuk dengan perkataan “hati”, dan keadaan ini mendorong interpretasi secara *ad hoc* berlaku dengan mudah. Ujaran hati nyamuk dan hati kuman dienkod kepada makna yang lebih luas, iaitu hati dalam tubuh manusia, walaupun kecil tetapi sangat penting peranannya untuk membentuk sikap dan tindakan manusia. Menurut kajian Asmah (2008), hati merupakan antara anggota tubuh yang paling banyak membentuk metafora Melayu, dan metafora bersumberkan kata hati menunjukkan perasaan, emosi dan sikap. Contoh simpulan bahasa dan peribahasa Melayu yang berkaitan dengan hati dan berkonotasi negatif ialah *hati batu*, *busuk hati*, *susah hati*, *sakit hati*, *bersultan di mata beraja di hati*, *ikut hati mati ikut rasa binasa* dan banyak lagi. Setiap tindakan dan emosi manusia bermula dari hati seperti dalam (iv), iaitu tindakan sultan yang melampau berpunca daripada keinginan dan niat yang tidak baik.

Kesimpulan implikatur yang dapat dicapai oleh pembaca menerusi syarat ini ialah kritikan dan peringatan daripada golongan rakyat terhadap niat sultan sejak dari awal lagi, iaitu ingin menunjuk-nunjuk kekayaan dan kekuasaan baginda. Baginda ingin menguasai sesuatu yang tidak pernah dimiliki oleh mana-mana raja di dunia, iaitu berkahwin dengan makhluk yang bukan daripada golongan manusia biasa. Hal ini membuktikan bahawa hati yang kecil berperanan menentukan sikap manusia.

Jadual 4 Rumusan analisis makna berdasarkan data (iii) dan (iv).

Eksplikatur	Andaian Implikatur	Kesimpulan Implikatur	Makna Sebenar	Konsep Ad Hoc
Hati nyamuk, Hati kuman	Kuman dan nyamuk bersaiz kecil tetapi berbahaya.	Hati yang kotor mendorong tindakan yang tidak baik.	Kritikan terhadap niat dan tujuan sultan.	Peluasan

Seterusnya, data (v) air pinang muda, dan (vi), air mata setempayan, dianalisis. Berdasarkan data (v), unsur flora pula menjadi metaforanya. Seperti analisis sebelum ini, proses interpretasi bermula dengan analisis eksplikatur. Pemahaman bentuk logik membantu pencarian makna literal eksplikatur ujaran seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5 Analisis eksplikatur – bentuk logik berdasarkan data (v) dan (vi).


Eksplikatur	Bentuk Logik
Air pinang muda	PINANG ₁ = sejenis tumbuhan palma yang buahnya dimakan dengan sirih, buahnya boleh digunakan untuk perubatan. PINANG MUDA = a) buah pinang yang masih muda b) alku, muncikari *alku = orang yang mencari pelacur untuk pelanggan lelaki (atau sebaliknya) *muncikari = Mn barua, jaruman
Air mata	AIR MATA = air yang keluar dari mata yang dihasilkan oleh kelenjar lakrimal. Berfungsi untuk membersihkan mata atau terhasil apabila menangis. (<i>Ensiklopedia Dunia Melayu</i> , 2008) (<i>Kamus Dewan</i> , 2010)

Setelah eksplikatur difahami dengan jelas, proses pengukuhan bentuk logik berlaku dengan bantuan maklumat ensiklopedik pembaca. Proses ini merupakan suatu proses yang penting dalam interpretasi metafora mitos Melayu. Jika maklumat ensiklopedik pembaca tentang latar belakang masyarakat Melayu dan hubungan mereka dengan alam semula jadi terhad, proses ini mungkin gagal dan kesimpulan implikatur tidak dapat dicapai. Hal inilah yang berlaku dalam pentafsiran yang dilakukan oleh pengkaji luar, contohnya Crawford (1820) dan Winsdett (1969).

Bentuk logik yang diperoleh berdasarkan eksplikatur dalam ujaran tersebut apabila dibantu dengan maklumat ensiklopedik akan memacu pemahaman eksplisit pembaca terhadap frasa [AIR PINANG MUDA]. Proses pengukuhan bentuk logik dan maklumat ensiklopedik yang dihasilkan, serta pemahaman ensiklopedik pembaca dibantu oleh proses yang berikut:

- (12) AIR PINANG MUDA: **Maklumat ensiklopedik**
- a. JUS YANG DIPEROLEH DARIPADA BUAH PINANG YANG MUDA
 - b. BUKAN MINUMAN BIASA
 - c. MERANGSANG NAFSU SYAHWAT LELAKI
 - d. DOS BERLEBIHAN BOLEH MEMABUKKAN

Oleh itu, bagaimanakah berlakunya proses rujukan ke hadapan AIR PINANG MUDA yang menjadi konsep asas fizikal MABUK, NAFSU?



Rajah 3 Laluan inferens (*inferential route*) AIR PINANG MUDA.

Masyarakat Melayu tradisional sangat arif tentang alam semula jadi. Buah pinang yang sudah matang memang boleh dimakan bersama-sama sirih sebagai kudapan, dengan kadar tertentu kerana buah pinang mengandungi arekolin yang toksik dan bertindak sebagai dadah nikotin (*Ensiklopedia Malaysiana*, 1996). Oleh sebab itu, pinang muda bersifat memabukkan jika diambil dalam dos yang berlebihan. Dalam kalangan masyarakat Asia dan Nusantara juga, pinang muda terkenal sebagai remedi untuk merangsang nafsu syahwat lelaki (Anthony Reid, 1985; Ratsch & Muller-Ebeling, 2013). Menurut Miller (1983) dalam bukunya *The Magical and Ritual Use of Herbs*, buah pinang mempunyai unsur afrodisiak (*aphrodisiac*) atau perangsang yang boleh membangkitkan nafsu berahi, terutama buah pinang yang muda.

Melalui pengetahuan ensiklopedik ini, berlakulah proses rujukan ke hadapan daripada AIR PINANG MUDA kepada konsep asas fizikal yang dapat dikeluarkan daripadanya, iaitu MABUK, NAFSU. Proses peluasan pula berlaku selepas itu apabila

MABUK*, NAFSU* tidak hanya difahami sebagai keadaan manusia yang pening, hilang ingatan atau tidak sedarkan diri secara fizikal, tetapi mabuk yang dimaksudkan ialah keadaan tidak dapat mengawal diri dan fikiran akibat terlalu inginkan sesuatu. NAFSU* juga diluaskan maknanya, iaitu bukan sekadar nafsu syahwat lelaki, tetapi bermaksud keinginan, kehendak dan kemahuan terhadap sesuatu dengan hanya mengikut kehendak hati.

Pemahaman ini berlaku melalui peluasan fitur konsep asas fizikal kepada pembinaan konsep superordinat yang mempunyai denotasi fizikal dan psikologi. MABUK, NAFSU diluaskan kepada MABUK*, NAFSU yang tidak semata-mata bersifat fizikal tetapi membawa makna metafora. Proses penjanaan andaian implikatur pula dapat dilihat secara terperinci melalui analisis (13).

(13) **Air pinang muda setempayan**

- (i) Jus pinang muda dalam kuantiti satu tempayan.
- (ii) Kemabukan dan syahwat akibat mengambil air pinang muda.
- (iii) Mabuk dan nafsu mengatasi pemikiran rasional manusia.
- (iv) Sultan menjadi tidak rasional kerana mengikut keinginan dan nafsu.*

Menurut teori relevans, secara umumnya interpretasi setiap ujaran bersifat sasaran terarah (*goal directed*). Oleh itu, tafsiran secara literal seperti dalam (i) didapati tidak relevan. Pilihan (ii) menunjukkan konsep asas fizikal yang lahir daripada eksplikatur AIR PINANG MUDA, iaitu fungsi air pinang muda dalam masyarakat Melayu adalah untuk merangsang nafsu seks lelaki. Kuantiti air pinang muda sebanyak setempayan ialah suatu sindiran untuk menunjukkan sesuatu yang di luar kebiasaan dan membawa mudarat. Pilihan (iii) beralih ke arah pemahaman yang lebih luas, iaitu mabuk dan menurut kehendak nafsu akan membuatkan manusia hilang pertimbangan yang rasional.

Oleh hal yang demikian, andaian (iv) ini difahami sebagai implikatur yang ingin disampaikan. Andaian ini tidak datang secara tersedia dalam ujaran AIR PINANG MUDA, tetapi andaian ini wujud melalui proses peluasan yang berlaku secara *ad hoc* hasil gabungan maklumat ensiklopedik pembaca seperti dalam (12), iaitu AIR PINANG MUDA MEMABUKKAN DAN MERANGSANG NAFSU BERAHI.

Kesimpulan daripada implikatur yang disampaikan ialah pengarang sebenarnya mengkritik sikap sultan yang terlalu mengikut kehendak dan keinginan baginda sehingga bertindak keterlaluan. Ko-teks kepada metafora ini diberikan oleh pengarang dalam episod perkahwinan terdahulu, iaitu kisah baginda beristerikan Raden Galuh Cendera Kirana, Puteri Hang Liu dan bonda Sultan Ahmad. Dalam data (*Sulalatus Salatin*, p. 123) juga, pembesar negeri secara jelas mempersoalkan hasrat sultan untuk

memiliki isteri yang lebih hebat berbanding dengan raja lain di seluruh dunia kerana baginda telah pun mempunyai banyak isteri dalam kalangan wanita bangsawan. Namun, prinsip pemerintahan feodal pada zaman tersebut menyebabkan para pembesar terpaksa berdiam diri dan akur dengan perintah sultan walaupun mereka tidak bersetuju.

Syarat PGL yang seterusnya ialah AIR MATA SETEMPAYAN yang akan melalui proses pemahaman ensiklopedik sebelum mengalami peluasan superordinat untuk pemahaman makna metafora.

(14) AIR MATA: **Maklumat ensiklopedik**

- a. KELUAR DARI MATA
- b. KELUAR APABILA MENANGIS
- c. BIASANYA SEBAGAI EKSPRESI EMOSI SEDIH, RINDU, SAKIT
- d. JUMLAH AIR MATA YANG KELUAR SEMASA MENANGIS TIDAK TERLALU BANYAK



Rajah 4 Laluan inferens (*inferential routes*) AIR MATA.

Rajah 4 menunjukkan laluan inferens bagi eksplikatur AIR MATA kepada konsep asas fizikal, iaitu TANGISAN, dan seterusnya mengalami peluasan konsep superordinat yang tidak terhad pada konsep fizikal.

(15) **Air mata setempayan**

- (i) Air mata dalam kuantiti satu tempayan.
- (ii) Rakyat Melaka menangis.
- (iii) Rakyat Melaka bersedih.
- (iv) Tindakan sultan menyebabkan rakyat menderita.*

Ujaran air mata dapat ditafsirkan dengan mudah kerana air mata yang mengalir mengikut pengalaman ensiklopedik pembaca mestilah terbit sebagai ekspresi emosi. Selain air mata emosi, ada juga air mata yang dihasilkan secara refleks, contohnya akibat menguap, kepedihan dan mengantuk, namun kuantitinya sangat sedikit. Andaian

(i) dan (ii) bersifat literal dan berkonsep fizikal. Pada peringkat ini, AIR MATA hanya dikaitkan dengan TANGISAN dan bukan TANGISAN*. Oleh itu, pilihan ini masih tidak menjawab sebab syarat ini diberikan oleh PGL, dan seterusnya tidak mencapai tahap relevan yang optimum. Andaian (iii) sudah beralih kepada konsep metafora TANGISAN*, yang bermaksud rakyat Melaka tidak semestinya menangis dan mengeluarkan air mata secara fizikal, tetapi TANGISAN* itu membawa erti KESEDIHAN. Namun, andaian yang dapat menjana interpretasi yang paling tepat berdasarkan konteks wacana dan jangkaan kerelevanan ialah (iv), iaitu kesedihan atau penderitaan rakyat Melaka disebabkan oleh sikap sultan mereka pada waktu itu. Andaian (iv) menjawab sebab syarat ini diberikan oleh PGL.

Menurut sains, air mata manusia terbahagi kepada tiga, iaitu air mata asas, refleks dan emosi. Air mata yang paling banyak dikeluarkan ialah air mata emosi (Shani Gelstein *et al.*, 2011). Air mata yang terhasil akibat emosi mungkin disebabkan oleh rasa sedih, marah, kecewa, sakit atau gembira. Emosi gembira digugurkan kerana tidak relevan dengan konteks wacana. Tiga emosi lain yang merujuk kesedihan yang terlampau atau berpanjangan, yang melibatkan emosi yang terpendam. Hal inilah yang dirasakan oleh rakyat Melaka sejak sekian lama di bawah pemerintahan feudal (Muhammad, 2006). Emosi KESEDIHAN didapati sesuai menggambarkan tangisan rakyat kerana jumlah air mata yang diminta sangat banyak, iaitu setempayan. Air mata sebanyak ini tentunya berpunca daripada emosi yang sangat terkesan dan dialami oleh ramai manusia, iaitu rakyat Melaka.

Kesimpulannya, implikatur ini disokong oleh satu penemuan menarik dalam bidang sains yang berkait dengan syarat peminangan PGL. Hasil kajian Shani Gelstein *et al.* (2011) & Tae Jung Oh *et al.* (2012) mendapati bahawa keinginan seksual lelaki akan berkurangan apabila terhidu bau air mata perempuan yang terhasil akibat perasaan sedih. Hal ini terjadi kerana kadar testosteron lelaki didapati menurun dalam keadaan ini. Oleh itu, dirumuskan bahawa tujuan mitos dicipta adalah untuk mengkritik sikap sultan yang tidak mengambil endah akan keadaan dan perasaan rakyat. Sebagai raja, baginda sepatutnya tidak hanya mementingkan kehendak peribadi sahaja sehingga menyebabkan rakyat menderita.

Pengukuhan Analisis Menggunakan Rangka Rujuk Silang

Bagaimanakah implikatur syarat peminangan PGL ini sebagai suatu kritikan dapat disimpulkan? Selain proses analisis yang dilakukan, suatu proses yang dinamakan sebagai Rangka Rujuk Silang (RRS) juga membantu pembaca memahami implikatur, dan seterusnya membuat kesimpulan. RRS berfungsi memberikan premis tambahan daripada konteks wacana mitos PGL ini kepada pembaca untuk mengukuhkan lagi

kesimpulan yang paling relevan. Dalam ruang yang terhad ini, data akan dianalisis menggunakan pendekatan RRS untuk mengukuhkan kesimpulan makna sebenar yang diperoleh. Melalui analisis ini, pembaca akan dapat menilai bahawa permintaan PGL mengadakan suatu metafora kritikan atau sindiran terhadap keinginan raja yang melampaui batas. Hasrat baginda hanya didorong oleh sikap ingin menunjuk-nunjuk dan ingin dipandang lebih mulia daripada raja lain. Rajah 5 menunjukkan pemetaan proses RRS yang membantu pembaca memilih makna sebenar pengarang.

- (16) “Tetapi suatu lagi maksud kita- jikalau dapat kita pohonkan ke hadhrat Allah bahawa kita hendak beristeri yang terlebih daripada segala raja-raja dalam dunia ini.”
- (17) Maka (sembah) segala orang besyar-besyar, “ Ada{(k)ah, tuanku, yang seperti tuanku kehendaki itu, karena puteri Jawa dan puteri China telah diperisyteri Yang Dipertuan . Apa pula yang lebih dari itu, karena pada zaman dahulu kala Raja Iskandar Zulkarnain hanya yang beristerikan anak Raja China. Akan sekarang Yang Dipertuanlah.”
- (18) “Jikalau beristerikan sama anak raja-raja ini adalah raja yang lain pun demikian, tetapi yang kehendakku barang yang tiada pada raja lain, itulah kehendak kita peristeri.”
- (19) Maka titah Sultan Mansur Syah, “Kita hendak meminang Puteri Gunung Ledang.”

Rajah 5 Pemetaan Rangka Rujuk Silang.

Berdasarkan analisis dalam (16), frasa *maksud kita* yang diujarkan oleh Sultan Mansur Syah menunjukkan sifat tamak dan suka menunjuk-nunjuk. Hal ini dapat dirujuk pada beberapa frasa yang lain seperti *hendak beristeri yang terlebih daripada segala raja-raja dalam dunia ini* (16), *kehendakku barang yang tiada pada raja lain* (18) dan akhirnya terjawab apa yang diinginkan oleh sultan tersebut dalam ujaran *kita hendak meminang Puteri Gunung Ledang* dalam (19). Premis tambahan *puteri Jawa dan puteri China telah*

diperisyeri pula membantu pembaca membina kesan kognitif bahawa Sultan Mansur Syah mempunyai sikap tidak cukup dengan apa-apa yang ada. Walaupun baginda mempunyai dua orang isteri, iaitu anak raja dari negeri yang hebat seperti Jawa dan China, namun baginda masih mahukan isteri daripada golongan yang tidak pernah diperisteri oleh mana-mana raja dalam dunia ini. Oleh sebab itulah baginda mahu memperisteri Puteri Gunung Ledang yang dikatakan daripada golongan makhluk halus.

Pengaplikasian konsep *ad hoc* peluasan dan RRS memberikan kesan kognitif yang tinggi dan seterusnya merendahkan usaha memproses yang pada awalnya kelihatan sangat tinggi. Kesannya, ujaran tersebut mencapai relevan yang optimum dan makna sebenarnya dapat difahami. Namun demikian, seperti yang dinyatakan pada awal makalah, interpretasi mitos PGL sebagai suatu kritikan terhadap golongan raja pada zaman feudal hanya dicapai sekiranya pembaca mempunyai latar belakang konteks yang membantu ke arah itu. Latar belakang konteks dan pengetahuan ensiklopedik sangat penting dalam proses interpretasi. Faktor inilah yang menghalang sebilangan pengkaji luar, khususnya dari negara Barat memahami karya agung ini. Hal yang sama juga dikhuatiri berlaku kepada generasi muda, lantaran pengetahuan dan penghayatan yang sangat terbatas pada semua peringkat pemahaman.

DAPATAN KAJIAN

Daripada analisis dipertahankan bahawa mitos dalam karya agung Melayu mempunyai fungsi yang sangat signifikan. Analisis linguistik dengan pengaplikasian teori relevans berjaya mencungkil data mitos PGL dengan interpretasi yang jelas dan didukung oleh fakta saintifik dan logik. Penganalisan melalui teori ini merungkaikan cara mitos yang tersulam ini harus diekstrapolasi dan difahami. Eksplikatur yang disajikan dalam data tidak seharusnya difahami secara harfiah semata-mata, sebaliknya perlu dihalusi dengan lebih teliti untuk memahami makna yang sebenar.

Dapatan menunjukkan bahawa pemahaman metafora melalui peluasan *ad hoc* berlaku dengan adanya proses peluasan daripada konsep fizikal kepada konsep superordinat. Selain itu, maklumat ensiklopedik juga merupakan suatu elemen yang sangat penting bagi mengelakkan interpretasi yang menyimpang yang akhirnya mengakibatkan tahap relevan yang optimum tidak tercapai. Jika hal ini berlaku, makna sebenar di sebalik mitos dalam bentuk metafora yang dicipta oleh pengarang tidak dapat difahami dan kisah ini akan terus dianggap sebagai kisah dongeng semata-mata. Ternyata hasrat pengarang untuk menyampaikan teguran secara beralas kepada sultan yang pada waktu itu alpa dengan segala kemewahan, kemasyhuran dan kemajuan empayar yang dimiliki tidak difahami.

KESIMPULAN

Ketaatan rakyat terhadap raja bersifat timbal balik dengan pemerintahan sesuatu kerajaan. Teks *Sulalatus Salatin* membuktikan bahawa persepsi dan kritikan terhadap raja masih dapat disampaikan walaupun pada zaman feudal. Pengarang Melayu mencipta mitos yang mengandungi metafora kritikan tersebut dan menyampaikannya secara tersirat. Mitos ini seakan-akan hiburan kepada pembaca, namun mempunyai makna yang sangat signifikan. Makna yang tersirat ini dapat diinterpretasi melalui analisis linguistik menggunakan teori yang terkini dan berwibawa. Melalui kajian ini, dibuktikan bahawa pengarang Melayu tradisional bukan sahaja mampu menghiburkan pembaca dan merakamkan sejarah, malah mampu menangani isu besar dalam pemerintahan yang bukanlah isu tempatan, malah berlaku pada peringkat global. Oleh itu, karya agung Melayu haruslah diiktiraf dan dihargai sesuai dengan kandungan ilmu dan khazanahnya yang relevan sepanjang zaman.

RUJUKAN

- Asmah Omar. (2008). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Barbara Andaya. (2006). *The flaming womb repositioning women in early modern Southeast Asia*. Honolulu: University of Hawai'i Press.
- Bottoms, J. C. (1965). Some Malay historical sources: A bibliography note. Dalam Soedjatmoko, Mohammad Ali, Resink, G. J., & G. Mc T. Kahin (Eds.). *An introduction to Indonesian historiography* (pp. 156 – 193). New York: Cornell University Press.
- Braginsky, V. I. (1994). *Erti keindahan dan keindahan erti dalam kesusasteraan Melayu klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brakel, L. F. (1980). Dichtung und Wahrheit: Some notes on the Development of the Study of Indonesian Historiography. *Archipel*, 20, 35 – 44.
- Campbell, J., Wormald, P., & John, E. (1972). *The Anglo-Saxons*. New York: Penguin Books.
- Carlton, C. (1990). *Royal mistresses*. New York: Routledge.
- Carston, R. (2002). *Thoughts and utterances: The pragmatics of explicit communication*. Oxford: Blackwell Publishing.
- Crawfurd, J. (1820). *History of the Indian Archipelago: Containing an account of the manners, arts, languages, religions, institutions and commerce of it inhabitants*. Edinburgh: A. Constable and Co.
- Digby, S. (1975). Akbar the great (Jilid III). Society and culture in 16th century India by Ashirbadi Lal Srivastava. *Bulletin of the School of Oriental and African Studies, University of London*, 38(2), 463.
- Ding Choo Ming. (2009). *Manuskrip Melayu sumber maklumat peribumi Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- De Jong, P. E. De Josselin. (1964). Ciri sejarah Melayu. Dalam Zahrah Ibrahim (Ed.), *Sastera*

- sejarah: Interpretasi dan penilaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ensiklopedia Dunia Melayu*. (1997) (Jilid 4). Kuala Lumpur: Piramid Perdana (M) Sdn. Bhd.
- Ensiklopedia Malaysiana*. (1996) (Jilid 10). Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd.
- Giles, J. A. (1866). *William of Malmesbury's chronicle of the kings of England*. London: Bell & Daldy.
- Goodyear, F. R. D. (1972). *The Annals of Tacitus: Annals 1.55 – 81 and Annals 2*. Cambridge: University Press.
- Hurgronje, C. S. (1988). Nog iets over de Salsilah van Kotei. *BKI*. No. 37, pp. 145 – 159.
- Hussain Othman. (2009). *Malay historical thought*. Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ismail Hussein. (1974). *The study of traditional Malay literature with a selected bibliography*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glenn, J. D., King, J. G., & Hillyer, J. F. (2010). Structural mechanics of the mosquito heart and its function in bidirectional hemolymph transport. *Journal of Experimental Biology*. 213, 541– 550.
- Kamus Dewan*. (2010) (Edisi ke-4). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Leo, D. H. (2004). *Genghis Khan the conqueror of the world*. New York: I. B. Tauris.
- Liang L. J. (2009). *Lembaran sejarah gemilang hubungan empayar Melaka – Dinasti Ming abad ke-15*. Bangi: Penerbit UKM.
- Maier, Hendrik M. J. (1988). *In the center of authority: The Malay Hikayat Merong Mahawangsa*. New York: Cornell University.
- Maizura Osman & Nor Hashimah Jalaluddin. (2013). Pemetaforaan mitos: Kebijakanaksanaan pengarang Melayu tradisional memahami khalayak. Dalam Nor Hashimah Jalaluddin (Ed.), *Perihal keintelektualan dan kepengarangan dalam teks tradisional*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maizura Osman & Nor Hashimah. (2014). Social criticism via myth and metaphors: An ad hoc analysis. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*, 118, 265 – 272.
- Miller, R. A. (1983). *The magical and ritual use of herbs*. USA: Destiny Books.
- Mohd. Taib. (1988). *Bunga rampai: Aspects of Malay culture*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morford, M. P. O., & Lenardon, R. J. (1985). *Classical mythology* (Edisi ke-3). New York: Longman.
- Muhammad Haji Salleh. (1991). *The mind of the Malay author*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (1997). *Sulalat-al-Salatin, Yakni perteturun segala raja-raja*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (2006). *Romance and laughter in the Archipelago: Essays on classical a contemporary poetics of the Malay world*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Yusoff. (1992). *Pensejarahan Melayu: Kajian tentang tradisi sejarah Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Noriah Taslim. (1993). *Teori dan kritikan sastera Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Oh, T. J., Kim, M.Y., Park, K. S., & Cho, Y. M. (2012). Effects of chemosignals from sad tears and postprandial plasma on appetite and food intake in humans. *PLoS ONE*, 7(8), e42352.
- Ratsch, C. & Muller-Ebeling, C. (2013). *The encyclopedia of aphrodisiacs: Psychoactive substances for use in sexual practices*. Rochester, Vt.: Park Street Press.
- Reid, A. (1985). From betel-chewing to tobacco – smoking in Indonesia. *The Journal of Asian Studies*, 44(3), 529 – 547.
- Rips, L. (1995). *Literal meaning*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Robert, B. (1969). King Mongkut of Siam and his treaty with Britain. *Journal of the Royal Asiatic Society Hong Kong Branch, The University of Hong Kong Libraries*, 9, 82 – 100.
- Romero, Esther, & Soria, B. (2014). Relevance theory and metaphor. *Linguagem em (Dis) Curso*, 14(3), 489 – 509.
- Ruzy Suliza, Ungku Maimunah, Nor Hashimah, & Zulkarnaen Mohamad. (2012). Circulating women as objects of trade in Malay historical texts. *Asian Journal of Social Science*, 40, 34 – 50.
- S. Othman. (1997). *Pemikiran satira dalam novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shani Gelstein, Yaara Yeshurun, Liron Rozenkrantz, Sagit Shushan, Idan Frumin, & Yehudah Roth. (2011). Human tears contain a chemosignal. *Science*, 331, 226 – 230.
- Siti Hawa. (2009). *Kelopak pemikiran sastera Melayu*. Bangi: UKM.
- Soma Mukherjee. (2001). *Royal Mughal ladies and their contributions*. New Delhi: Gyan Publishing House.
- Smith, M. D. (Ed.). (2004). *Encyclopedia of rape*. USA: Greenwood Publishing Group.
- Sweeney, Amin. (1974). The Rama repertoire in the Kelantan shadow play: A preliminary report. Dalam Mohd. Taib Osman (Ed.), *Traditional drama and music of Southeast Asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wilson, D., & Carston, R. (2006). Metaphor, relevance and the “emergent property” issue. *Mind and Language*, 21, 404 – 433.
- Winstedt, R. O. (1969). *A history of classical Malay literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Capaian pada 17 Mac 2016 daripada <http://www.microbeworld.org>.

Diperoleh (*Received*): 19 September 2017

Diterima (*Accepted*): 11 Oktober 2017